



ANIS Ayuni mencium pipi ibunya selepas menerima ijazah pada majlis Konvokesyen UPM Ke-40, semalam.

MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-40

Ulang-alik 15km jaga ibu lumpuh



Kuala Lumpur: "Biarpun penat, saya rela berulang-alik menaiki motosikal sehingga 15 kilometer (km) dari kampus ke rumah di Putrajaya bagi mengelakkan emak yang terlantar sakit, kelaparan."

Demikian luahan Anis Ayuni Ismail, 22, yang mengimbangi antara tugas dan kesibukannya sebagai mahasiswa dengan tanggungjawab menjaga ibunya yang lum-

puh seluruh anggota badan.

Siswazah Sarjana Muda Sains (Sains Bioperubatan) di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, ibunya Nik Mah Nik Kob, 62, menghidap penyakit angin ahmar sejak 10 tahun lalu.

"Kalau ada satu hingga dua jam 'jarak', saya akan balik ke rumah untuk beri emak makan kemudian pergi ke kelas semula. Selepas habis kelas petang saya bergegas pulang untuk mandikan emak dan beri emak makan.

"Emak boleh bercakap tetapi tidak jelas. Saya selalu puju dia kerana sejak sakit emak

cepat menangis," katanya.

Anak kelahiran Kelantan itu yang juga antara penerima ijazah pada majlis Konvokesyen UPM Ke-40 semalam melahirkan rasa syukur kerana berjaya menamatkan pengajian dan mencapai keputusan cemerlang meskipun terpaksa mengharungi pelbagai rintangan.

Anis Ayuni menerima Ijazah Sains (Sains Bioperubatan) yang disampaikan Pro-Canselor UPM Tan Sri Mohd Bakke Salleh di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM. - BERNAMA